

Kerajaan pastikan Malaysia destinasi pilihan pelabur

BH- 22/12/2020 m/s: 2

Pandemik COVID-19 tak jejas usaha bangunkan ekosistem kembang maju perniagaan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan akan terus membangunkan ekosistem yang membolehkan perniagaan berkembang maju dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan menarik, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, tanpa menjadikan COVID-19 sebagai alasan untuk dasar pandang ke dalam dan berfikiran sempit, kerajaan sebaliknya akan terus mengamalkan dasar yang memastikan keadaan pasaran menggalakkan untuk eksport Malaysia.

“Benar, sebagai negara membangun yang mempunyai hubungan global yang kukuh, Malaysia amat yakin terhadap perdagangan dan pelaburan yang bebas, saksama dan terbuka.

“Sebagai Perdana Menteri, saya mahu memanfaatkan peluang ini untuk menawarkan jaminan sepenuh hati saya bahawa Malaysia telah, sedang dan akan sentiasa menjadi negara yang menyokong perniagaan, perdagangan dan propelaburan,” katanya ketika menyampaikan ucapan pembukaan Sidang Kemuncak Ekonomi Cina Dunia secara maya, semalam.

Muhyiddin juga menyatakan pengiktirafannya terhadap peranan penting China dalam sistem perdagangan pelbagai pihak dan negara itu menjadi suara mempunyai pertimbangan serta sederhana sepanjang penularan COVID-19.

Katanya, China berperanan menggesa negara lain dalam memastikan tindakan kecemasan dilaksanakan bagi mengurangkan risiko berkaitan dengan pandemik tidak menjejaskan keseimbangan aliran perdagangan dan pelaburan.

Beliau berkata, pandangan vokal China bahawa semua pihak tidak sepatutnya menggunakan COVID-19 sebagai alasan untuk berpegang kepada dasar sempit,



Muhyiddin menyampaikan ucapan pembukaan Sidang Kemuncak Ekonomi Cina Dunia secara maya di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

turut dicontohi Malaysia.

Pada masa sama, Muhyiddin berkata, kerajaan di seluruh dunia turut memberi penekanan khusus terhadap perusahaan mikro, kecil dan sederhana, selain survival usahawan baharu dalam berdepan krisis COVID-19.

“Di Malaysia, perusahaan mikro, kecil dan sederhana menyumbang kepada 98 peratus daripada keseluruhan entiti perniagaan.

“Dengan sumbangan kira-kira 40 peratus terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), perusahaan mikro, kecil dan se-

derhana juga bertanggungjawab terhadap penyediaan lebih 60 peratus peluang perniagaan di negara ini.

“Amat penting bagi untuk kerajaan melakukan apa saja bagi memastikan kelangsungan perusahaan mikro, kecil dan sederhana dalam krisis yang kali pertama berlaku ini,” katanya.

Beliau berkata, untuk itu, Kerajaan Malaysia pada April lalu, mengumumkan pakej rangsangan tambahan bagi melengkap pakej sebelum itu, berjumlah RM250 bilion dan tambahan bernilai RM10 bilion itu memperkukuhkan fokus negara dalam mengurangkan impak COVID-19 terhadap perusahaan mikro, kecil dan sederhana, melalui pelbagai tindakan dan insentif.

Selain itu, beliau berkata, penularan COVID-19 secara dasarnya mengubah kehidupan, cara kerja dan berinteraksi.

“Ada norma baharu dalam dunia pasca COVID-19, yang memerlukan sedikit penyesuaian. Dan ia melangkaui amalan pemakaian pelitup muka, mencuci tangan dan menjaga penjarakan sosial.

“Cara aktiviti ekonomi, operasi perniagaan dan kehidupan seharian kita kini berubah dengan pesat, berikutan krisis COVID-19,” katanya.

“Amat penting bagi untuk kerajaan melakukan apa saja bagi memastikan kelangsungan perusahaan mikro, kecil dan sederhana dalam krisis kali pertama berlaku ini.”

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri